

PELAKSANAAN PRINSIP KEWANGAN ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL DI KOPERASI KOLEJ POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR BERHAD

IMPLEMENTATION OF ISLAMIC FINANCIAL PRINCIPLES: A PRELIMINARY REVIEW AT KOPERASI KOLEJ POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR BERHAD

Mohd Marzuki Ali¹
Mohamad Khairuddin Majidillah²
Muhd Bazli Hashim³

¹ Centre for Islamic Studies, General & Languages, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).
(E-mail: marzuki@uptm.edu.my)

² Centre for Islamic Studies, General & Languages, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).
(E-mail: khairuddin@uptm.edu.my)

³ Centre for Islamic Studies, General & Languages, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).
(E-mail: bazli@uptm.edu.my)

*Corresponding author: marzuki@uptm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025
Revised date : 20-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ali, M.M., Majdillah, M.K., & Hashim, M.B. (2025). Pelaksanaan prinsip kewangan Islam: Satu tinjauan awal di Koperasi Kolej Poly-tech MARA Kuala Lumpur Berhad. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 1126 – 1143.

Abstrak: Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang meneliti pelaksanaan prinsip kewangan Islam dalam operasi Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA). Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti produk kewangan Islam seperti mudarabah, murabahah, al-qard hasan dan lain-lain diamal dan diaplikasi dalam aktiviti koperasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual awal dengan pegawai pengurusan koperasi serta analisis dokumen-dokumen berkaitan seperti laporan tahunan, aturan dan garis panduan kewangan koperasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat usaha ke arah pematuhan prinsip kewangan Islam, termasuk produk simpanan am, penggunaan konsep pinjaman tanpa faedah (al-Qard Hasan) dan pelaburan yang tidak melibatkan unsur yang dilarang syarak. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran turut dikenal pasti, seperti kekangan ilmu syariah dalam kalangan pentadbiran, kekurangan sistem pemantauan syariah yang formal, serta keperluan latihan dan pendedahan berterusan. Kajian ini mencadangkan agar koperasi memperkukuh aspek kepatuhan syariah melalui penubuhan jawatankuasa penasihat syariah dan kerjasama strategik dengan institusi kewangan Islam. Tinjauan awal ini diharap dapat menjadi asas kepada kajian lebih mendalam di masa hadapan mengenai amalan kewangan Islam dalam sektor koperasi pendidikan.

Kata Kunci: kewangan Islam, koperasi, KOMASA, patuh syariah, tinjauan awal

Abstract: *This study presents a preliminary review examining the implementation of Islamic finance principles in the operations of Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA). The primary objective of this study is to examine the extent to which Islamic financial products such as mudarabah, murabahah, al-qard al-hasan, and others are implemented and operationalized within the activities of the cooperative. This research adopts a qualitative approach through preliminary interviews with cooperative management officers as well as an analysis of related documents such as annual reports, cooperative financial regulations, and guidelines. The findings indicate that there are ongoing efforts to comply with Islamic finance principles, including general savings products, the application of interest-free loan concepts (al-Qard Hasan), and investments free from elements prohibited by Shariah. However, several challenges were also identified, including limited Shariah knowledge among administrators, the absence of a formal Shariah compliance monitoring system, and the need for ongoing training and exposure. The study recommends that the cooperative strengthen its Shariah compliance framework by establishing a Shariah advisory committee and forming strategic partnerships with Islamic financial institutions. This preliminary review is expected to serve as a foundation for more in-depth future research on Islamic finance practices within the educational cooperative sector.*

Keywords: *Islamic finance, cooperative, KOMASA, Shariah compliance, preliminary review*

Pengenalan

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah ditubuh dan didaftarkan pada 14hb November 1997 dengan nama Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad di bawah Akta Koperasi 1993 (Hassim, 2012). Penubuhannya bertujuan untuk menyahut seruan melaksanakan sistem muamalah dan kewangan Islam. Menurut Mohd Kamal Shah Rani (2015) KOMASA ditubuhkan untuk merealisasikan idealisme dan aspirasi bagi membangunkan sistem hidup Islam khususnya dalam bidang ekonomi di Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur dengan objektif utama untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan anggotanya dalam satu gerakan ekonomi yang berasaskan prinsip kerjasama (*taawun*).

Bagi merealisasikan idealisme dan aspirasi yang telah digariskan, KOMASA telah memperkenalkan instrumen kewangan Islam secara berperingkat-peringkat bermula dengan akad *wadi'ah yad dhamanah*, *mudarabah*, *al-qard al-hasan*, *murabahah*, *tabaruat*. Aturan-aturan KOMASA yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam berdasarkan peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 telah digubal dan dijadikan asas dalam melaksanakan prinsip kewangan Islam.

Permasalahan Kajian

Kerelevanan sistem kewangan Islam dalam konteks gerakan koperasi di Malaysia merupakan antara persoalan utama yang ingin diterokai dalam kajian ini. Menurut Ahmad Hidayat Buang (2004), gerakan koperasi di Malaysia yang bermula sekitar tahun 1922 bertujuan memberi kemudahan pinjaman kepada anggotanya sebagai satu bentuk bantuan bersama. Gerakan ini mempunyai nilai, struktur dan budaya yang tersendiri, berbeza daripada organisasi lain. Menurut Prof. Diraja Ungku Aziz, koperasi merupakan satu fahaman di mana para anggotanya bergiat dalam bidang pengeluaran, pemasaran, simpanan dan pinjaman secara bersama dengan matlamat membantu antara satu sama lain, tanpa mengejar keuntungan peribadi.

Namun, dengan perkembangan sistem kewangan Islam yang menekankan keadilan, keseimbangan, dan larangan riba, timbul persoalan sejauh mana prinsip-prinsip ini dapat diaplikasikan secara menyeluruh dalam operasi koperasi. Walaupun sistem kewangan Islam semakin diterima secara meluas di Malaysia, pelaksanaannya dalam sektor koperasi masih berada pada tahap yang terbatas. Terdapat kekeliruan dalam kalangan pentadbir koperasi mengenai bentuk produk kewangan Islam yang sesuai dan bagaimana ia dapat dilaksanakan tanpa bercanggah dengan struktur operasi koperasi sedia ada. Tambahan pula, masih belum jelas sama ada syarat-syarat dan mekanisme pelaksanaan produk kewangan Islam seperti *mudarabah*, *murabahah* dan *al-qard hasan* boleh diselaraskan secara efektif dalam kerangka perundangan semasa. Persoalan utama yang timbul ialah sama ada pelaksanaan sistem kewangan Islam ini sejajar dengan peruntukan Akta Koperasi 1995 serta Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi. Ketiadaan garis panduan yang jelas boleh menjadi halangan utama dalam usaha memperluas penggunaan sistem kewangan Islam dalam gerakan koperasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai potensi, cabaran dan kesesuaian pelaksanaan sistem kewangan Islam di KOMASA secara menyeluruh.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini dilakukan untuk menilai kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam, khususnya berkenaan prinsip, kontrak berkaitan kewangan Islam dan penerapannya dalam institusi kewangan serta koperasi. Kajian ini penting bagi membina pemahaman kontekstual dan metodologi yang relevan dengan permasalahan yang dikaji.

Ab. Mumin Ab. Ghani (1997) dalam bukunya *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* membincangkan prinsip-prinsip asas sistem kewangan Islam serta keserasiannya dengan dunia kewangan kontemporari. Beliau memperincikan persoalan riba dan menghubungkannya dengan keperluan untuk melaksanakan kontrak bebas-riba seperti *mudarabah*, serta memberikan analisis terperinci terhadap pelaksanaan prinsip *mudarabah* dalam sistem kewangan semasa.

Ahmad Hidayat Buang (1997) dalam kajiannya *Koperasi Secara Islam dalam Kerangka Perundangan Malaysia* menelusuri sejarah perundangan koperasi sejak awal abad ke-20. Beliau menekankan peranan undang-undang seperti Akta Koperasi 1993 dan Peraturan Koperasi 1995 dalam membuka ruang untuk pelaksanaan muamalah Islam, termasuk melalui akad *mudarabah*, sekali gus menghindarkan amalan riba.

Zulkifli Hasan (2008) dalam tulisannya *The Roles and Responsibilities of the Shariah Committee of the Islamic Financial Institutions in Malaysia* menyoroti peranan jawatankuasa Syariah dalam memastikan kesahihan kontrak kewangan Islam. Beliau juga membincangkan cabaran masa hadapan dalam melaksanakan tadbir urus Syariah secara efektif.

Abdul Halim Abdul Hamid & Norizatun Azmin Mohd Nordin (2000) melalui kajian *A Study on Islamic Banking Education and Strategy for The New Millennium, Malaysia Experience* menggariskan pentingnya pendidikan kewangan Islam dalam memacu pembangunan sektor ini. Mereka menekankan peningkatan institusi latihan dan pendidikan sebagai keperluan dalam pengembangan aplikasi produk seperti *mudarabah*.

Habibullah Khan & Bashar, O.K.M.R. (2008) dalam *Islamic Finance: Growth and Prospect in Singapore* mendedahkan perkembangan pesat kewangan Islam di Singapura dan global.

Mereka mengaitkan usaha PERGAS dan institusi latihan dalam membina kepakaran Syariah yang relevan untuk menyokong pelaksanaan produk kewangan Islam seperti *mudarabah*.

Basri Ibrahim (2012) dalam artikelnya Analisis Isu-Isu Muamalat Semasa Dalam Buku Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Muasirah Oleh Qal'ahji mengulas isu-isu muamalat moden meliputi prinsip *wadiah*, *musharakah*, *mudarabah* dan lain-lain yang boleh diaplikasikan dalam konteks masa kini. Kajian ini relevan dalam menilai kesesuaian prinsip klasik dengan keperluan semasa.

Yusof bin Ramli (2003) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk Mudarabah: Konsep dan Peranannya Di Dalam Institusi Kewangan Malaysia meneliti secara mendalam pandangan pelbagai mazhab Sunni terhadap konsep *mudarabah*. Kajian ini membincangkan pembinaan kontrak, agihan keuntungan, tanggungan kerugian serta isu-isu praktikal dalam pelaksanaan *mudarabah* dalam konteks moden. Yusof menyimpulkan bahawa ketiadaan jaminan (*daman*) daripada pihak *mudarib* menjadi halangan utama dalam perluasan aplikasi *mudarabah* dalam institusi kewangan moden.

Kajian oleh Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari (2012) bertajuk Sumbangan Pemikiran Ibn Rushd Dalam Muamalah: Analisis Terhadap Akad Al-Mudarabah menganalisis pandangan Ibn Rushd terhadap *mudarabah* yang disebut sebagai *al-qirad*. Perbezaan istilah ini dikaji berdasarkan faktor geografi dan mazhab. Kajian ini penting dalam memahami dasar fiqh dan keragaman istilah yang digunakan dalam literatur klasik.

Amir Shahrudin (2003) pula mengkaji perkembangan hukum *mudarabah* dalam mazhab Maliki melalui *The Development of Islamic Law: A Case Study of Maliki Rules on Mudarabah*. Kajian ini mengesan perkembangan perundangan Islam dalam *mudarabah* sejak abad ke-2 hingga ke-10 Hijrah, menunjukkan bahawa mazhab Maliki memiliki sistem hukum komersil yang mapan sejak awal.

Taufiq Kurniawan dan Asmak Ab Rahman (2019) melalui kajian Aplikasi Akad Mudarabah Dalam Produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) menganalisis pelaksanaan *mudarabah* dalam produk simpanan haji di BPRS HIK, Indonesia. Kajian ini menunjukkan kecuaian dalam aspek sighth yang menyebabkan risiko pembatalan akad, menekankan pentingnya pemahaman dan pelaksanaan rukun-rukun akad dengan betul.

Muhammad Fathi, Kamaruzaman Noordin dan Fadillah Mansor (2025) melalui kajian Kontrak Pendasar Syer Keanggotaan Koperasi: Satu Analisis Dari Perspektif Syariah: *The Underlying Contract For Cooperative Membership Shares: An Analysis From The Shariah Perspective* menyatakan bahawa kontrak *musharakah* (*syirkah al-'inan*) lebih sesuai digunakan dalam struktur saham keahlian koperasi berbanding *mudarabah*, kerana ia selaras dengan prinsip kawalan sendiri dan penyertaan aktif anggota dalam pengurusan koperasi.

Kesimpulan Sorotan kajian terdahulu menunjukkan bahawa prinsip kewangan Islam adalah instrumen penting dalam kewangan Islam, namun aplikasinya masih menghadapi pelbagai cabaran termasuk dari segi kepercayaan, undang-undang, dan pelaksanaan praktikal. Kajian-kajian ini menjadi panduan penting dalam membangunkan kerangka kajian yang lebih mantap dan relevan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan kepada pengumpulan data melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama Pengerusi dan bekas Pengerusi, Setiausaha dan Pegawai Tadbir KOMASA. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan mendalam mengenai pelaksanaan prinsip kewangan Islam dalam operasi harian koperasi. Selain itu, kajian turut melibatkan analisis kandungan dokumen-dokumen utama koperasi seperti laporan tahunan, aturan, serta garis panduan kewangan yang digunapakai. Pendekatan triangulasi data ini membolehkan penulis memperoleh gambaran menyeluruh dan kontekstual berkenaan produk dan tahap pematuhan koperasi terhadap prinsip syariah serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam di peringkat koperasi.

Pelaksanaan Prinsip Kewangan Islam di Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Pelaksanaan prinsip kewangan Islam di Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) meliputi beberapa pendekatan, instrumen dan produk, antaranya:

Akad Keanggotaan

KOMASA telah menggunakan borang permohonan menjadi anggota sebagai akad antara anggota dengan koperasi. Ini bersesuaian dengan fasa 12 Undang-undang Kecil Koperasi yang mewajibkan setiap permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi koperasi (KOMASA, Undang-undang Kecil Koperasi).

Kakitangan dan pelajar Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) yang berminat untuk menjadi anggota KOMASA diwajibkan mengisi borang permohonan menjadi anggota disertai bayaran minimum sebanyak RM210.00. Bayaran tersebut meliputi fee masuk sebanyak RM10.00 dan syer minimum sebanyak RM200.00. Borang permohonan menjadi anggota pada bahagian E (pengakuan) bilangan 3 ada menyatakan bahawa setiap anggota hendaklah memberikan persetujuan untuk melaburkan wang syer dalam koperasi ini atas konsep *mudarabah*. Borang permohonan ini menekankan persetujuan anggota untuk membenarkan koperasi menggunakan modal syer anggota atas prinsip *mudarabah*.

Syer

Syer ataupun pemilikan anggota dalam sesebuah koperasi ditakrifkan sebagai bahagian dalam modal syer koperasi yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam sesebuah koperasi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

Seseorang yang berminat untuk menjadi anggota sesebuah koperasi hendaklah mengisi borang permohonan keanggotaan. Dalam konteks Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA), borang permohonan menjadi ahli pada bahagian E (pengakuan) bilangan 3 ada menyatakan bahawa setiap anggota hendaklah memberikan persetujuan untuk melaburkan wang syer dalam koperasi ini atas konsep *mudarabah*. Borang permohonan ini menekankan persetujuan anggota untuk membenarkan koperasi menggunakan modal syer anggota atas prinsip *mudarabah*.

Jadual 1: Caruman Syer Terkumpul

Tahun	Syer Terkumpul	Bil Anggota
1998	6,410.00	63
1999	19,545.70	110
2000	39,870.10	133
2001	53,443.99	173
2002	58,667.24	176
2003	74,433.74	1300
2004	84,275.03	1822
2005	87,755.38	2074
2006	117,601.32	3211
2007	137,922.29	3971
2008	158,272.80	4626
2009	205,255.91	6292
2010	264,022.37	7132
2011	333,008.93	7207
2012	445,302.56	7439
2013	536,115.83	4250

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Simpanan Am (*Wadiah*)

Simpanan am bermaksud akad di mana anggota menyerahkan modal kepada koperasi untuk disimpan dan digunakan bagi menjalankan perniagaan. Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah mewujudkan akaun simpanan am di bawah Undang-undang Kecil 53(1) dan 44(2)(x) KOMASA dan berkuatkuasa selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kali Pertama. Koperasi juga telah mewujudkan tabung *wadiah* yang bertujuan memberi galakan kepada ahli-ahli supaya menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tujuan pelajaran, masa kecemasan dan membantu keluarga dalam kesusahan. Tabung ini asalnya dikenali sebagai tabungan simpanan am menggunakan akad *wadiah yad dhamanah* iaitu pihak koperasi meminta izin daripada anggota untuk menggunakan wang simpanan tersebut dan setiap keuntungan menjadi milik koperasi. Akad *wadiah* tersebut juga digabungkan dengan akad *mudarabah*. Penggabungan ini terkandung dalam borang permohonan menjadi anggota pada bahagian E (pengakuan) bilangan 3 menekankan tentang persetujuan anggota untuk membenarkan operasi menggunakan modal syer anggota atas prinsip *mudarabah*. Borang tersebut ada menyatakan bahawa;

“setiap anggota hendaklah memberikan persetujuan untuk melaburkan *wadiah* (simpanan am) dalam koperasi ini atas konsep *mudarabah*”.

Selain itu, anggota koperasi yang mencarum dan mempunyai simpanan dalam tabungan ini dibenarkan untuk membuat pengeluaran simpanan mereka secara fleksibel tanpa sebarang had jumlah atau tempoh tertentu. Proses kelulusan pengeluaran tersebut juga adalah efisien, iaitu mengambil masa antara satu hingga dua hari sahaja (Raduan, 2012). Pihak Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) turut memberikan jaminan terhadap pembayaran balik keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah deposit yang belum dijelaskan sekiranya diminta oleh pendeposit. Kaedah ini selari dengan prinsip syariah yang menekankan aspek keadilan dan perlindungan terhadap hak pemilik harta (Yaakub, 2014).

KOMASA telah menggunakan dana tabung ini sebagai salah satu sumber dananya bermula dari awal penubuhannya sehingga sekarang. Namun, pihak koperasi tidak pernah memberikan pulangan sama ada dalam bentuk hibah atau dividen kerana kelonggaran dalam pengeluarannya (Shah Rani, 2014). Namun demikian, pihak koperasi telah menukar polisi tersebut pada tahun 2009 (KOMASA, 2009) dengan mencadangkan dividen di atas baki akaun pada 31 Disember 2008 sebanyak 10%. Cadangan tersebut telah diluluskan sebulat suara dalam Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad kali ke 10 pada 19 Februari, 2010 bertempat di LT 3.2, Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. Pengagihan dividen diteruskan lagi pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010 (KOMASA:2010) dan 30 Jun 2011 (KOMASA, 2011). Pengagihan dividen atas simpanan am atau *wadiah* mengikut kaedah (Osman, 2012):-

- i. Pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota mengikut fasa 65. (2) Undang-undang Kecil Koperasi iaitu “Pengagihan menurut fasal (1), (b) pembayaran dividen, atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan”;
- ii. Pembayaran dividen atas syer dan yuran yang ada pada 31 Disember setiap tahun dan syer serta yuran yang ada pada 31 Disember setiap tahun dan syer serta yuran tersebut tidak dikeluarkan oleh anggota sehingga berakhir tahun kewangan pada 30 Jun setiap tahun. Peruntukan tersebut terdapat dalam fasa 66. (1) Undang-undang Kecil Koperasi iaitu “Kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut peraturan 30 Peraturan-Peraturan Koperasi 2008, hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen”.

Jadual 2: Simpanan Am

Tahun	Simpanan Am Terkumpul
1998	525.00
1999	2,121.00
2000	5,531.40
2001	9,060.88
2002	13,642.31
2003	13,529.32
2004	11,408.27
2005	10,566.65
2006	9,889.05
2007	10,900.25
2008	11,360.35
2009	10,660.35
2010	65,842.32
2011	146,673.04
2012	216,886.94
2013	331,030.80

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Pelaksanaan agihan dividen atas simpanan am telah berubah selaras dengan perubahan Aturan-Aturan Simpanan Am (*Wadiah*) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agong Tahunan Kali 13 yang telah diadakan pada 8 Disember 2012 bertempat di LT 2.1, Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. Perubahan tersebut meliputi (Aturan Sim Am (*Wadiah*), KOMASA, 2012);

- i. Jangka masa Simpanan
Tempoh minima simpanan adalah selama enam bulan dan maksima adalah selama setahun.
- ii. Pulangan atau Hibah
 - a. Pulangan atau hibah akan diagihkan kepada anggota atas simpanan bulan RM 1,000.00 dan ke atas.
 - b. Pulangan dikira atas simpanan yang dikira secara pro-rata dalam tempoh sebulan dan dijumlahkan untuk tempoh setahun didarabkan peratusan yang diluluskan dalam mesyuarat Lembaga.
 - c. Pulangan (jika sekiranya ada) akan dimasukkan dalam akaun simpanan am anggota dalam tempoh 3 bulan selepas berakhirnya akaun koperasi ditutup dan diaudit.

Pulangan atau hibah atas baki purata simpanan am anggota telah dilaksanakan atas akaun anggota berakhir pada 30 Jun 2012 (KOMASA, 2012) dan 30 Jun 2013 (KOMASA, 2013).

Yuran

Yuran dalam koperasi merujuk kepada sejumlah caruman yang dibuat oleh anggota koperasi bagi tujuan tertentu, bergantung kepada jenis yuran dan peruntukan dalam Undang-Undang Kecil koperasi tersebut. Di bawah Akta Koperasi 1993, setiap koperasi dibenarkan untuk mengutip yuran daripada anggotanya seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil masing-masing, dan yuran tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan koperasi yang sah.

KOMASA telah memberikan pilihan kepada anggota mencarum secara bulanan bermula bulan Disember 2018. Akad yang digunakan antara KOMASA dan anggota adalah akad *mudarah*. Tujuan utama yuran diperkenalkan adalah untuk dijadikan sumber dana bagi pembiayaan *murabahah* yang diperkenalkan pada tahun 2019.

Jadual 3: Yuran Anggota

Tahun	Yuran Terkumpul
2019	920.00
2020	2,470.00
2021	4,070.00
2022	6,060.00
2023	7,290.00
2024	9,985.00

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Simpanan Khas

Bagi memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Koperasi di bawah fasa 56 (1) yang dinyatakan dengan jelas bahawa koperasi boleh menerima simpanan khas, deposit dan pinjaman daripada anggotanya mengikut aturan-aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agong Tahunannya. Justeru, KOMASA telah menggubal aturan Simpanan Khas dan aturan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Agong Tahunan Kali Pertama (KOMASA, 1998).

Aturan Simpanan Khas juga dikenali sebagai Aturan-Aturan *Mudarabah* telah memperincikan takrifan Simpanan Khas iaitu;

“Simpanan khas’ iaitu akad anggota menyerahkan modal pembiayaan kepada koperasi untuk digunakan bagi menjalankan perniagaan atau sesuatu projek jangka pendek dan panjang di mana keuntungan yang diperolehi akan dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui oleh kedua pihak”.

Akad simpanan khas yang diaplikasikan oleh Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) dalam menerima dana daripada anggotanya adalah berasaskan akad *mudarabah muqayyadah*. Akad ini merujuk kepada kontrak pelaburan antara pemilik modal (*rabb al-mal*) dan pengusaha (*mudarib*), yang disertakan dengan syarat-syarat khusus seperti tempoh masa, lokasi, jenis perniagaan, kategori barangan yang dilaburkan serta penglibatan pihak tertentu dalam proses jual beli.

Menurut Yusof (2003) dan Ayob (2008), pemilik modal dibenarkan untuk menetapkan ikatan (*qayyid*) sama ada pada masa kontrak dimeterai mahupun selepasnya, selagi mana modal belum digunakan dalam aktiviti perniagaan. Ikatan tersebut turut boleh dikenakan semula selepas urusan niaga diselesaikan jika modal telah kembali menjadi tunai. Walau bagaimanapun, sekiranya pengusaha telah memperoleh barangan perniagaan, pemilik modal tidak lagi berhak menetapkan syarat agar barangan tersebut tidak dijual secara ansuran. Dalam keadaan ini, kebebasan *mudarib* perlu dikekalkan bagi menjalankan aktiviti jual beli dengan mengambil kira mandat yang telah diberikan dalam kontrak asal.

Di KOMASA, konsep *mudarabah muqayyadah* ini diaplikasikan secara menyeluruh dalam pengurusan portfolio pelaburannya sebagai pendekatan patuh syariah dan sistematik dalam menjana pulangan untuk ahli.

Perolehan sumber dana di bawah simpanan khas telah bermula semenjak awal penubuhan KOMASA dan simpanan terkumpul pada 30 Jun 1998 (KOMASA, 1998) adalah berjumlah RM 77,570.00 dengan pecahan;

- i. Simpanan Khas Jangka Pendek RM 52,280.00
- ii. Simpanan Khas Jangka Panjang RM 25,290.00

Jadual 4: Simpanan Khas (Jangka Pendek)

Tahun	<i>Mudarabah Trading</i>	<i>Mudarabah Diamond</i>	Jumlah
1998	5,980.00	46,300.00	52,280.00
1999	6,500.00	51,250.00	57,750.00
2000	18,479.00	47,000.00	65,479.00
2001	14,400.00	47,000.00	61,400.00
2002	10,300.00	47,000.00	57,300.00
2003	3,650.00	47,000.00	50,650.00
2004	20,490.00	47,000.00	67,490.00
2005	490.00	47,000.00	47,490.00
2006	-	47,000.00	47,000.00
2007	-	47,000.00	47,000.00

2008	-	47,000.00	47,000.00
2009	-	47,000.00	47,000.00
2010	-	47,000.00	47,000.00
2011	-	47,000.00	47,000.00
2012	-	47,000.00	47,000.00
2013	-	47,000.00	47,000.00

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Perolehan sumber dana di bawah simpanan khas telah meningkat daripada jumlah terkumpul RM 77,570.00 pada 30 Jun 1998 ke RM 159,620.00 pada 30 Jun 1999. Trend ini berkekalan sehingga 30 Jun 2004 (KOMASA, 2004) dengan jumlah penerimaan dana sebanyak RM 159,787.00 dengan pecahan;

- i. Simpanan Khas Jangka Pendek RM 67,490.00
- ii. Simpanan Khas Jangka Panjang RM 92,297.40

Jadual 5: Simpanan Khas (Jangka Panjang)

Tahun	Mudarabah Ostrich	Mudarabah Bestari	Mudarabah Perdana	Mudarabah UV	Jumlah
1998	5,000.00	-	20,290.00	-	25,290.00
1999	5,000.00	8,000.00	20,290.00	65,210.00	101,870.00
2000	5,000.00	8,000.00	15,970.00	65,210.00	94,180.00
2001	5,000.00	8,000.00	14,970.00	65,210.00	93,180.00
2002	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2003	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2004	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2005	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2006	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2007	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2008	5,000.00	8,000.00	14,087.40	65,210.00	92,297.40
2009	5,000.00	8,000.00	14,087.40	61,700.00	88,787.40
2010	-	-	-	-	-

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Simpanan khas anggota tersebut berdasarkan prinsip *mudarabah* dengan perincian adalah seperti berikut:

- i. Tertakluk di bawah portfolio pelaburan.
- ii. Pembahagian untung rugi dijelaskan dalam borang permohonan di mana jika keuntungan diperolehi maka anggota akan memperolehi keuntungan dengan nisbah 60:40 iaitu anggota 60 peratus manakala KOMASA 40 peratus.

Pelaburan

KOMASA telah menggunakan dana yang ada bagi menjana serta mengembangkan perniagaan dan pendapatannya. Antara pelaburan yang menggunakan instrumen dan prinsip *mudarabah* dan *musharakah* ialah:

- i. Pelaburan Jangka Pendek di KOSIS
- ii. Pelaburan Jangka Panjang di KOSIS
- iii. Projek Usahasama Unified Vantage Sdn Bhd (UV)

Projek usahasama *mudarabah* KOMASA-KOSIS menggunakan kaedah *two-tier mudarabah* manakala projek usahasama Unified Vantage Sdn. Bhd (UV) menggunakan akad *musharakah*. Dana untuk ketiga-tiga pelaburan tersebut diperolehi daripada anggota KOMASA (*sahibul mal*) dan KOMASA (bank *mudarabah*) menerima dana tersebut dan seterusnya KOMASA (bank *mudarabah*) menyerahkan modal yang telah diterima kepada Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) yang bertindak sebagai pengusaha manakala dalam kes projek usahasama Unified Vantage Sdn Bhd (UV), KOMASA (bank *mudarabah*) menerima dana tersebut dan seterusnya KOMASA (bank *mudarabah*) menyerahkan modal yang telah diterima kepada Unified Vantage Sdn Bhd (UV) dengan menggunakan akad *musharakah* di mana KOMASA memiliki 30 peratus ekuiti dalam syarikat tersebut.



Rajah 1: Pelaksanaan Prinsip *Mudarabah* dan *Musharakah* di Unified Vantage Sdn Bhd (UV)



Rajah 2: Pelaksanaan Two-Tier Mudarabah di KOSIS

Pelaburan Jangka Pendek di Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS)

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad telah menandatangani perjanjian *al-mudarabah* (jangka Pendek) dengan Koperasi Siswazah Berhad pada 13 Mei 1998 (KOMASA, 1998). *Mudarabah* jangka pendek ini meliputi pelaburan yang berlangsung dalam tempoh 1 hingga 12 bulan. Terma perjanjian tersebut adalah:

- i. Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) diamanahkan untuk mencari peluang, mengusahakan segala jenis modal perniagaan yang halal dan mengadakan

- prasarana yang munasabah bagi membolehkan sesuatu usaha komersil dijalankan secara praktik bagi membolehkan keuntungan yang diperolehi boleh diagihkan kepada koperasi berasaskan konsep *mudarabah* dengan nisbah 50:50.
- ii. Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad diamanahkan untuk mengadakan modal yang mencukupi bagi membolehkan KOSIS menjalankan usaha bagi kepentingan bersama.
 - iii. KOSIS bersetuju mengagihkan keuntungan kepada KOMASA mengikut nisbah yang dipersetujui. KOMASA juga bersetuju menanggung kerugian bersama pihak KOSIS.
 - iv. Keuntungan dan kerugian adalah diagihkan dan ditanggung selepas menolak semua kos yang berkaitan dengan *mudarabah*.
 - v. KOSIS boleh memberhentikan *mudarabah* dengan memberi notis penamatan 3 bulan secara bertulis kepada KOMASA disertakan dengan jadual bayaran balik.
 - vi. Pengembalian modal dan keuntungan jika sekiranya ada.
 - vii. KOMASA juga boleh memohon menamatkan *mudarabah* dengan notis 6 bulan kepada KOSIS disertai dengan cadangan jadual pengembalian modal.

Jadual 6: Mudarabah Diamond di Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS)

Tahun	Mudarabah Diamond
1998	50,000.00
1999	50,000.00

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Pelaburan Jangka Panjang di Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS)

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) (1999) telah menandatangani perjanjian *al-mudarabah* (Jangka Panjang) dengan Koperasi Siswazah Berhad pada 30 Jun 1998. Perjanjian *mudarabah* jangka panjang ini meliputi pelaburan yang berlangsung melebihi tempoh setahun. Terma perjanjian tersebut adalah:

- i. Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) diamanahkan untuk mencari peluang, mengusahakan segala jenis modal perniagaan yang halal dan mengadakan prasarana yang munasabah bagi membolehkan sesuatu usaha komersil dijalankan secara praktik bagi membolehkan keuntungan yang diperolehi boleh diagihkan kepada koperasi berasaskan konsep *mudarabah* dengan nisbah 50:50.
- ii. Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad diamanahkan untuk mengadakan modal yang mencukupi bagi membolehkan KOSIS menjalankan usaha bagi kepentingan bersama.
- iii. KOSIS bersetuju mengagihkan keuntungan kepada KOMASA mengikut nisbah yang dipersetujui. KOMASA juga bersetuju menanggung kerugian bersama pihak KOSIS.
- iv. Keuntungan dan kerugian adalah diagih dan ditanggung selepas menolak semua kos yang berkaitan dengan *mudarabah*.
- v. KOSIS boleh memberhentikan *mudarabah* dengan memberi notis penamatan 3 bulan secara bertulis kepada KOMASA disertakan dengan jadual pengembalian modal dan keuntungan sekiranya ada.
- vi. KOMASA juga boleh memohon menamatkan *mudarabah* dengan notis 6 bulan kepada KOSIS disertai dengan cadangan jadual pengembalian modal.

Jadual 7: Mudarabah Jangka Panjang di Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS)

Tahun	Mudarabah Ostrich	Mudarabah Perdana (KOMASA: 2000, 2001)	Mudarabah Bestari	Jumlah
1998	8,000.00	18,000.00	-	26,000.00
1999	8,000.00	18,000.00	12,000.00	40,000.00
2000	8,000.00	18,000.00	12,000.00	40,000.00
2001	8,000.00	18,000.00	12,000.00	40,000.00

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Projek Usahasama Unified Vantage Sdn. Bhd (UV)

Kaedah *mudarabah* dan *musharakah* merupakan mekanisme asas dalam sistem kewangan Islam. Melalui pendekatan ini, sumber pembiayaan dapat dijana dan digabungkan dengan kemahiran keusahawanan serta pengurusan yang berkesan. Gabungan tersebut mampu memenuhi keperluan perdagangan dan industri serta mendorong pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih optimum, khususnya dalam era kemajuan teknologi masa kini (Al Harran, 1995).

Sehubungan itu, Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah melaksanakan instrumen *mudarabah muqayyadah* dalam menerima dana daripada anggotanya, dengan syarat dana tersebut dilaburkan dalam projek tertentu. Dana berkenaan kemudiannya dilaburkan melalui akad *musharakah* ke dalam syarikat Unified Vantage Sdn. Bhd. (UV), di mana KOMASA memiliki pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus dalam syarikat tersebut.

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah menandatangani perjanjian usahasama berasaskan prinsip *mudarabah* dengan Unified Vantage Sdn. Bhd pada 28 April 1999. Perjanjian ini meliputi pelaburan yang berlangsung melebihi tempoh setahun dalam perusahaan dan pembekalan trading dengan pemilikan ekuiti sebanyak 30 peratus. KOMASA telah melabur sebanyak RM 60,000.00 dalam syarikat tersebut (KOMASA, 2000). Terma perjanjian tersebut adalah:

- i. Projek usahasama berdasarkan perkongsian untung rugi.
- ii. Syarikat Unified Vantage Sdn. Bhd (UV) sebagai pengendali dan KOMASA sebagai pemodal.
- iii. Syarikat Unified Vantage Sdn Bhd memiliki ekuiti sebanyak tujuh puluh peratus manakala KOMASA memiliki tiga puluh peratus ekuiti.
- iv. KOMASA melabur sebanyak RM60,000.00
- v. Syarikat akan melaporkan akaun JV kepada KOMASA setiap bulan pada 15 haribulan.
- vi. Syarikat akan menyediakan laporan lengkap akaun JV kepada KOMASA setiap tiga bulan.

Susulan daripada perjanjian yang telah dimeterai, KOMASA telah diwakili oleh 3 anggota lembaga dalam mesyuarat berkaitan syarikat Unified Vanture Sdn.Bhd dengan diwakili oleh;

- vii. Mohd Kamal Bin Shah Rani, Pengerusi KOMASA.
- viii. Mustaffa Bin Dakian, Anggota Lembaga KOMASA
- ix. Rosliza Binti Abu Bakar, Pemangku Bendahari KOMASA.

Al-Qard Hasan

Al-Qard Hasan merupakan salah satu instrumen penting dalam sistem kewangan Islam yang membawa konsep pinjaman kebajikan tanpa faedah atau keuntungan. Ia berfungsi sebagai satu bentuk bantuan kewangan bagi memenuhi keperluan sosial dan kebajikan masyarakat selaras dengan prinsip keadilan dan ihsan dalam Islam.

Secara literal, *al-qard* bermaksud pinjaman, manakala *hasan* bermaksud baik atau ihsan. Maka, *al-qard al-hasan* bermaksud pinjaman kebajikan, iaitu pinjaman yang diberikan tanpa mengharapkan sebarang keuntungan (*riba*) selain daripada balasan ganjaran pahala daripada Allah SWT.

"Barang siapa memberi pinjaman kepada orang lain dengan ikhlas, maka ia seperti bersedekah kepadanya."

(Hadis riwayat Ibn Majah)

KOMASA telah menyediakan perkhidmatan pinjaman *al-Qard Hasan* kepada anggota bermula tahun 1998. Tujuan skim ini diperkenalkan adalah bagi membantu anggota yang memerlukan pinjaman segera bagi menyelesaikan masalah *daruriyyat* seperti membayar deposit sewa rumah, membeli keperluan alatan persekolahan anak-anak, serta memenuhi keperluan kecemasan.

Melalui skim ini, anggota boleh memohon pinjaman sehingga RM2,000.00 dengan tempoh bayaran balik maksimum dua tahun. Sebelum pinjaman disalurkan, pemohon dikenakan bayaran pengurusan sebanyak RM50.00 bagi setiap pinjaman yang diluluskan. Bayaran ini merangkumi kos sebenar yang dibelanjakan koperasi seperti cukai setem ke atas perjanjian, fi pemprosesan bank, perlindungan takaful, serta penyediaan dokumen pinjaman. Fee ini dikredit ke akaun pendapatan dan perbelanjaan KOMASA.

Menurut Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam (BNM, 2011–2017) dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JAKIM), pelaksanaan skim *al-Qard Hasan* tertakluk kepada beberapa garsi panduan penting seperti berikut:

- i) *Al-Qardhul Hasan* tidak membolehkan keuntungan bagi pemberi pinjaman.
- ii) Fee pengurusan hanya dibenarkan jika ia meliputi kos sebenar (ujrah).
- iii) Dilarang jika melebihi kos sebenar atau bertujuan mencari keuntungan.
- iv) Institusi kewangan mesti mendapat kelulusan Syariah dengan bukti perbelanjaan sebenar.

Melalui pelaksanaan patuh syariah ini, skim *al-Qard Hasan* bukan sahaja berfungsi sebagai alternatif kepada pinjaman konvensional, tetapi juga memperkukuh sistem sokongan sosial dalam kerangka kewangan Islam.

Jadual 8: Pinjaman *Al-Qard Hasan*

Tahun	Anggota Yang Meminjam	Jumlah Pinjaman
2016	1	RM2,000.00
2017	1	RM1,150.00
2018	1	RM1,500.00
2019	0	Tiada
2020	2	RM3,000.00

2021	0	Tiada
2022	0	Tiada
2023	3	RM4,300.00
2024	1	RM2,000.00

Sumber: Buku Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Pembiayaan *Al-Murabahah*

Murabahah ialah satu bentuk jual beli dalam muamalat Islam di mana penjual menyatakan secara jelas kos asal sesuatu barangan dan pembiaya akan menambah margin keuntungan yang dipersetujui dengan pembeli. Ia merupakan salah satu kontrak pembiayaan Islam yang popular, khususnya dalam institusi kewangan Islam.

KOMASA telah memperkenalkan pembiayaan *Murabahah* di mana anggota perlulah memohon pembelian atau pembiayaan yang meliputi pakej pelancongan, alatan rumah, kenderaan dengan harga tidak melebihi RM10,000.00. Setiap permohonan hendaklah dengan menggunakan borang permohonan pembiayaan *Murabahah* dengan disertai sebutharga daripada sesebuah syarikat. Keuntungan yang ditetapkan adalah sebanyak 3% setahun dan keseluruhan keuntungan berdasarkan tahun yang diperlukan bagi menyelesaikan pembiayaan tersebut.

Jadual 9: Pembiayaan di bawah Prinsip *Al-Murabahah*

Nilai Pembiayaan	Tempoh Pembiayaan dan Bayaran Balik				
	12	24	36	48	60
2,000.00	176.00	90.00			
3,000.00	260.00	135.00	94.00		
4,000.00	347.00	180.00	125.00	97.00	
5,000.00	434.00	225.00	156.00	121.00	
6,000.00	520.00	270.00	187.00	145.00	
7,000.00	607.00	315.00	218.88	170.00	140.00
8,000.00	694.00	360.00	249.00	194.00	160.00
9,000.00	780.00	405.00	280.00	218.00	180.00
10,000.00	867.00	450.00	312.00	242.00	200.00

Sumber: Aturan Pembiayaan *Al-Murabahah*, Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Jawatankuasa Pengawasan Syariah (JPS)

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Syariah (JPS) sehingga kini (KOMASA, 2024). Penubuhan entiti ini adalah amat penting dalam memastikan tadbir urus syariah dilaksanakan secara menyeluruh, sistematik dan berintegriti dalam sesebuah koperasi yang mengamalkan prinsip kewangan Islam. JPS berperanan dalam memastikan setiap aktiviti, produk dan pelaburan koperasi selaras dengan prinsip dan hukum syariah yang telah ditetapkan, sekali gus mengelakkan berlakunya sebarang pelanggaran syarak seperti *riba*, *gharar* dan *maysir*.

Selain itu, kajian turut mengenalpasti keperluan untuk memperkukuh aspek pendidikan dan kefahaman anggota koperasi berkaitan akad yang digunakan dalam produk-produk syariah, khususnya akad *mudarabah* dan *musharakah*. Terdapat sebahagian anggota yang belum benar-benar memahami konsep, struktur dan implikasi akad tersebut. Oleh itu, pihak koperasi disarankan untuk menyediakan pendedahan secara menyeluruh kepada anggota, sama ada melalui risalah produk, penerangan langsung oleh kakitangan semasa proses akad dilakukan, penggunaan platform digital seperti laman web rasmi koperasi, mahupun melalui penganjuran seminar dan sesi taklimat berkala.

Kesimpulan

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah melaksanakan beberapa prinsip kewangan Islam sejak penubuhannya pada tahun 1998 hingga tahun 2025. Pelaksanaan ini merangkumi aspek penerimaan dana daripada anggota, termasuk kutipan syer, simpanan am, yuran dan simpanan khas. Dana tersebut kemudiannya digunakan untuk tujuan pembiayaan, pelaburan dan aktiviti lain yang memberi manfaat kepada koperasi dan anggotanya. Antara prinsip kewangan Islam yang dikenal pasti telah diaplikasikan oleh KOMASA ialah *wadiah*, *mudarabah*, *murabahah*, dan *al-qard hasan*.

Bagi memperkukuh pematuhan syariah secara menyeluruh, KOMASA disarankan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Syariah (JPS) atau sekurang-kurangnya panel penasihat syariah. Penubuhan entiti ini penting bagi memastikan semua produk, aktiviti dan pelaburan koperasi dinilai, diperaku dan diluluskan berdasarkan garis panduan hukum syarak yang sahih. JPS juga akan memainkan peranan penting dalam memantau tadbir urus syariah serta memberikan bimbingan berterusan dalam aspek pematuhan terhadap prinsip-prinsip Islam.

Di samping itu, adalah menjadi keperluan agar anggota koperasi turut dilibatkan secara aktif dalam proses pendidikan dan pemahaman terhadap akad-akad yang digunakan dalam produk-produk syariah, seperti *mudarabah*, *musharakah*, dan *ijarah*. Kefahaman yang jelas mengenai struktur dan implikasi kontrak-kontrak ini bukan sahaja memperkasakan anggota dalam membuat keputusan kewangan yang bijak dan beretika, malah turut menyumbang kepada peningkatan integriti keseluruhan sistem kewangan koperasi berlandaskan syariah.

Dapatan kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk penyelidikan lanjutan berkaitan pelaksanaan prinsip kewangan Islam dalam koperasi. Ia juga penting dalam menilai sejauh mana ketepatan dan keabsahan hukum terhadap setiap instrumen kewangan Islam yang digunapakai oleh KOMASA, agar ianya benar-benar selaras dengan maqasid syariah dan matlamat penubuhan koperasi yang berteraskan prinsip syariat.

Rujukan

- Ab. Ghani, A. M. (1997). *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Halim, A. H., & Norizaton Azmin, M. N. (2000). A study on Islamic banking education and strategy for the new millennium – Malaysia experience. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 17(4), 25–39.
- Ahmad Hidayat, B. (1997). *Koperasi secara Islam dalam kerangka perundangan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat, B. (2004). *Fatwa di Malaysia* (2nd ed.). Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Akta Koperasi 1993 (Akta 502). (2020). *Laws of Malaysia*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Al-Harran, S. (1995). *Leading issues in Islamic banking and finance*. Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ayob, S. H. (2008). *Fiqh muamalah* (S. Siregar, Trans.). Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Borhan, J. T., & Sa'ari, C. Z. (2012). Sumbangan pemikiran Ibn Rushd dalam muamalah: Analisis terhadap akad al-mudarabah dalam *Bidayah al-Mujtahid*. *Jurnal Syariah*, 20(3), 345–368.
- Dusuki, A. W. (2007). The application of al-Qard al-Hasan concept by Islamic banks in Malaysia. *Shariah Journal*, 15(2), 45–62.
- Hasan, Z. (2008). The roles and responsibilities of the Shariah committee of the Islamic financial institutions in Malaysia. *Shariah Law Reports*, 2(1), 1–20.
- Hassim, A. (2012, May 15). Temu bual di Pejabat Pentadbiran, Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. (Pengerusi Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad, 1997–2001).
- Ibrahim, B. (2012). Analisis isu-isu muamalat semasa dalam buku *Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Muasirah* oleh Qal'ahji. *Jurnal Fiqh Kontemporari*, 6(1), 66–82.
- Kahf, M. (2004). Islamic banks: The rise of a new power alliance of wealth and Shari'ah scholarship. In *Islamic banking and finance: Theory and practice* (pp. 17–36). Islamic Research and Training Institute.
- Khan, H., & Bashar, O. K. M. R. (2008). Islamic finance: Growth and prospect in Singapore. *U21 Global Working Paper Series*, (001/2008).
- Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad. (1998, May 13). *Perjanjian KOMASA dan KOSIS*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Undang-undang kecil*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Borang permohonan menjadi ahli koperasi*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Aturan-aturan simpanan khas (Al-Qard Hasan)*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Aturan-aturan simpanan am (Al-Wadiah)*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Aturan-aturan simpanan khas (Al-Mudarabah)*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Aturan-aturan simpanan khas (Al-Murabahah)*.
- Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (n.d.). *Brosur Kenapa Anda Perlu Menjadi Ahli KOMASA*.
- Laporan Tahunan Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur. (1998–2001).
- Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. (2009–2024).

- Muhammad Fathi, Noordin, K., & Mansor, F. (2025). Kontrak pendasar syer keanggotaan koperasi: Satu analisis dari perspektif syariah: The underlying contract for cooperative membership shares: An analysis from the Shariah perspective. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 5(1), 114–128.
- Osman, S. F. (2012, May 10). Temu bual di Pejabat Pengurus Pusat Pendidikan Lanjutan (PPB), Kolej Poly-Tech MARA.
- Raduan, R. (2012, May 17). Temu bual di Pejabat Pentadbiran, Kolej Poly-Tech MARA.
- Rahman, A. (1979). *Banking and insurance* (Vol. 4, pp. 330–332). The Muslim Schools Trust.
- Ramli, Y. (2003). *Mudarabah: Konsep dan peranannya di dalam institusi kewangan Malaysia* (Ph.D. thesis, Universiti Malaya).
- Shah Rani, M. K. (2012, May 11). Temu bual di Pejabat Ketua Jabatan Pengajian Umum, Kolej Poly-Tech MARA.
- Shah Rani, M. K. (2014, November 19). Temu bual di BK 11, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Kolej Poly-Tech MARA.
- Shaharuddin, A. (2003). The development of Islamic law: A case study of Maliki rules on mudarabah. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 7(1), 45–58.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). *Panduan pengurusan koperasi*. SKM.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). *Panduan amalan kewangan syariah koperasi*. SKM.
- Taufiq, K., & Ab Rahman, A. (2019). Aplikasi akad mudarabah dalam produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) dan kefahaman pelanggan terhadapnya: Kajian di BPRS HIK, Bekasi, Indonesia. *Jurnal Muamalat dan Kewangan Islam*, 16(2), 101–120.
- Yaakub, N. I. (2014, July). Di sini, “wang anda adalah wang amanah,” di sana, “your money is banks’ money”: Asas para mukmin membuat pilihan. *UIM Bulletin*, 2, 14–15.